

20 JUL 1999

AGONG HANTAR PERUTUSAN KEPADA RAJA ALBERT II DI BELGIUM

KUALA LUMPUR, 20 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah hari ini menghantar perutusan tahniah kepada Raja Albert II di Belgium sempena Hari Kebangsaan Belgium esok.

"Kita mengucapkan tahniah dan mendoakan kesihatan yang baik dan kebahagiaan Raja Albert dan rakyatnya," titah baginda dalam perutusannya yang dikeluarkan oleh Wisma Putra di sini, hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusannya kepada rakan sejawatan Guy Verhofstadt berharap hubungan mesra antara kedua-dua negara akan dipertingkatkan di tahun-tahun akan datang.

Sementara itu Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dalam perutusannya kepada Menteri Luar Belgium Louis Michel berkata, beliau berharap dapat meningkatkan kerjasama dengan Michel untuk memperkukuhkan hubungan baik antara kedua-dua negara.

-- BERNAMA

NHA PR